



**KENYATAAN YANG BERHORMAT MENTERI NRECC
BERKAITAN KEJADIAN TANAH RUNTUH DI FATHER ORGANIC FARM JALAN
GENTING HIGHLAND-BATANG KALI, HULU SELANGOR, SELANGOR**

16 Disember 2022 – Sebentar tadi saya telah mendapat taklimat agensi dan jabatan berkaitan di Command Centre operasi menyelamatkan dalam kejadian tanah runtuh di Goh Tong Jaya. Pada masa ini Operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) masih giat dijalankan. Kita doakan supaya mangsa-mangsa lain akan segera ditemui.

Untuk makluman, pada 16.12.2022 (Jumaat) jam lebih kurang 2.23 pagi, Pusat Kawalan Daerah IPD Hulu Selangor telah terima maklumat Mers 999, di mana seorang pengadu telah menyatakan ada tanah runtuh di Father Organic Farm Goh Tong Jaya dan ada mangsa terperangkap di dalam tanah. Pusat Kawalan Daerah telah salurkan maklumat pada Balai Polis Goh Tong Jaya untuk tindakan awal ke lokasi.

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) melalui Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) telah menggerakkan Response Team ke lokasi kejadian hari ini bagi mengenalpasti kawasan Zon Bahaya dan Zon Kawalan bagi membantu Agensi Responder untuk kerja-kerja Search and Rescue (SAR).

Berdasarkan kepada cerapan data awalan di tapak kejadian, terdapat kegagalan pada cerun tambakan dengan dimensi runtuh sepanjang kira-kira 500 meter dan berkelebaran 200 meter serta kedalaman 8 meter dengan anggaran isipadu runtuh sebanyak 450,000 meter padu melanda kawasan tersebut.

Pihak Kementerian hendak menyampaikan salam takziah bagi keluarga mangsa yang meninggal dunia, dan kepada mereka yang terkesan dengan bencana ini.

Di sini kami juga ingin menasihatkan orang awam agar sentiasa berwaspada terhadap tanda-tanda ancaman tanah runtuh atau bencana geologi yang lain yang ada di sekitar kawasan masing-masing.

YB Tuan Nik Nazmi Nik Ahmad
Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
16 Disember 2022